

Penyampai : YBHG TAN SRI ABDUL HALIM ALI  
Tajuk : MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN DI ANTARA AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN GITN SDN BERHAD  
Lokasi : HOTEL NIKKO  
Tarikh : 22-02-1999

Assalamualaikum wrbt dan Salam Sejahtera.

Saudara Pengerusi Majlis, YBhg Dato' Mohd Hilmey Mohd Taib Pengerusi GITN Sdn Berhad YBhg. Dato' Dr. Muhammad Rais Abdul Karim, Ketua Pengarah MAMPU,

Yang Berusaha Wakil-wakil Agensi Kerajaan, Ahli-ahli Lembaga Pengarah GITN Sdn Berhad, Dif-dif terhormat, Ahli-ahli media massa,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak GITN Sdn Berhad kerana telah sudi menjemput saya untuk menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan di antara agensi-agensi Kerajaan dengan GITN Sdn Berhad, pada pagi ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Lembaga Tabung Haji, Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Perangkaan dan INTAN kerana telah menjadi agensi-agensi terawal, yang merintis jalan dalam memenuhi hasrat Kerajaan ke arah pengwujudan sebuah lebuh raya maklumat khusus bagi sektor awam di negara ini.

2. Majlis pada pagi ini sangat bermakna kepada Kerajaan terutamanya, kerana ia membuka satu lagi lembaran baru dalam usaha Kerajaan ke arah pembaharuan dalam sektor awam untuk menjadikannya lebih responsif, berkesan dan mampu memberi perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan melalui penguasaan dan penggunaan teknologi maklumat dan prasarana telekomunikasi terkini. Penggunaan teknologi maklumat akan membolehkan agensi-agensi kerajaan mempelbagaikan kaedah penyampaian perkhidmatan mereka kepada pelanggan, dan pada masa yang sama berupaya mempertingkatkan kualiti perkhidmatan tersebut.

3. Perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah menjadikan program pengkomputeran di sektor awam lebih terjurus kepada saling hubungan (inter-connectivity) di antara manusia dan maklumat, yang antara lain, membolehkan capaian pangkalan data, perkongsian maklumat dan komunikasi berkumpulan. Ini menyebabkan peningkatan terhadap keperluan teknologi rangkaian setempat (Local Area Network) dan rangkaian meluas (Wide Area Network). Trend juga menunjukkan bahawa kebanyakan projek pengkomputeran di agensi Kerajaan berkisar kepada penggunaan teknologi Internet, termasuk Intranet.

4. Dengan wujudnya GITN, infrastruktur rangkaian meluas di sektor awam akan diperkukuhkan lagi dan ianya membawa dimensi baru kepada tahap penguasaan teknologi dan juga mengubah cara perhubungan konvensional. Ini adalah kerana GITN merupakan suatu prasarana bersepadu yang dapat mengintegrasikan keperluan komunikasi Kerajaan bagi data, video dan imej. Penggunaan GITN adalah khusus untuk komunikasi dan penyaluran maklumat di antara agensi-agensi Kerajaan samada dalaman (intra agency) atau luaran (inter-agency) dan telah dibangunkan dengan mengambil kira keperluan-keperluan khusus Kerajaan terutamanya keperluan keselamatan maklumat. Prasarana yang telah dibangunkan meliputi satu sistem rangkaian meluas seluruh negara yang berkapasiti tinggi, serta juga satu sistem Intranet Kerajaan.

5. Sebelum wujudnya GITN, agensi-agensi Kerajaan yang memerlukan rangkaian meluas terpaksa membangunkan dan menyelenggarakan rangkaian-rangkaian mereka sendiri. Ini telah mengakibatkan masalah pertindihan dan duplikasi dalam rangkaian telekomunikasi yang digunakan oleh sektor awam dan juga kekurangan kepakaran untuk menyelenggarakannya.

6. Saya berkeyakinan penuh bahawa melalui penggunaan sebuah infrastruktur yang di kongsi bersama,

Kerajaan akan memperolehi penjimatan kos yang banyak melalui economies of scale jika dibandingkan dengan cara konvensional yang diamalkan sebelum ini. Dengan memilih langkah penswastaan, pihak Kerajaan tidak mengeluarkan langsung sebarang perbelanjaan dalam pembangunan infrastruktur GITN tersebut, yang saya difahamkan, setakat ini telah menelan belanja sebanyak RM28 juta.

Pihak Kerajaan cuma membayar kos perkhidmatan yang diperlukan sahaja, menurut konsep 'pay-as-you-use'.

7. Saya menganggap GITN sebagai satu projek Kerajaan yang tepat pada masanya, lebih-lebih lagi dengan pelaksanaan aplikasi-aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia yang akan giat dijalankan pada tahun ini.

Kejayaan pelaksanaan aplikasi-aplikasi perdana ini di semua agensi-agensi Kerajaan banyak bergantung kepada infrastruktur rangkaian yang mempunyai keupayaan dan tahap keselamatan yang tinggi dan terjamin, bagi operasi dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dan cekap. Untuk tujuan itu, infrastruktur asas GITN akan digunakan sebagai infrastruktur yang akan menyambungkan semua agensi Kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan aplikasi-aplikasi Kerajaan Elektronik dan dalam jangka panjang, akan merangkumi semua agensi Kerajaan samada di peringkat persekutuan, negeri ataupun daerah.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Hari ini juga memperlihatkan dan memperkukuhkan lagi jalinan kerjasama di bawah konsep 'perkongsian pintar' diantara sektor awam dan swasta dalam merealisasikan matlamat dan wawasan Kerajaan secara bersama. Pihak GITN Sdn Berhad, dengan sokongan padu dari kedua-dua pemegang sahamnya, iaitu PNB dan Telekom Malaysia telah membangunkan keseluruhan infrastruktur dan perkhidmatan GITN berasaskan kepada rangka dasar dan arah tuju yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan. Dengan pendekatan pengurusan rangkaian agensi secara end-to-end oleh pihak GITN, pihak agensi kerajaan kini dapat memberi tumpuan penuh kepada urusan harian (core business) mereka dalam memenuhi piagam pelanggan masing-masing.

9. Negara kita tidak bersendirian dalam usaha membangunkan satu infrastruktur yang khusus bagi kegunaan Perkhidmatan Awam. Negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan Denmark telah pun melaksanakan sistem rangkain khusus untuk sektor awam, yang juga dikendalikan oleh pihak swasta. Seterusnya, saya ingin menggesa agar semua agensi Kerajaan yang memerlukan rangkaian meluas supaya mengikut jejak langkah agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam majlis ini, dengan menggunakan perkhidmatan GITN untuk memenuhi hasrat Kerajaan ke arah pewujudan sebuah lebuh raya maklumat sektor awam yang bertaraf dunia. Saya yakin kerjasama jitu diantara pihak Kerajaan dan pihak GITN Sdn Berhad akan memberi manfaat kepada kedua belah pihak dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan seterusnya meletakkan negara kita sebagai sebuah negara yang unggul dalam penguasaan dan penggunaan teknologi maklumat dan telekomunikasi terkini.

10. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam penubuhan GITN, terutama sekali ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu GITN, MAMPU, agensi-agensi yang telah memberi kepercayaan dan sokongan awal kepada konsep GITN serta juga pada pihak GITN Sdn Berhad yang telah merealisasikan visi Kerajaan ini.

Sekian, terima kasih.